

**SIARAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA****HADIAH WANG TUNAI RM300, 000 UNTUK DIMENANGI DENGAN
*CELCOM GAME HERO – KILL SHOT LEGACY!***

Jadilah seorang wira dengan permainan menembak mudah alih yang epik ini!

KUALA LUMPUR, 21 NOVEMBER 2017 – Dalam usaha untuk terus memberikan pengalaman hebat kepada pelanggan khususnya dalam komuniti permainan mudah alih, Celcom bersama Techninier Sdn Bhd dengan bangganya membawakan siri ketiga Pertandingan Mudah Alih Terbesar di Malaysia, *Celcom Game Hero - 'Kill Shot Legacy'* yang menawarkan hadiah wang tunai dengan jumlah terkumpul RM300,000 untuk dimenangi!

Celcom berbesar hati untuk bekerjasama dengan pemaju kandungan mudah alih tempatan dalam menyediakan permainan mudah alih yang menarik, penuh kepantasan dan sengit, serta bakal memberikan pengalaman permainan yang begitu luar biasa. Inisiatif ini memperlihatkan usaha berterusan oleh Celcom untuk menjadi jenama yang dikenali dalam membolehkan gaya hidup digital yang sebenar, pengalaman pelanggan yang hebat serta menyokong komuniti pemaju kandungan di Malaysia.

Bermula 7 November 2017, pertandingan ketiga dalam siri Celcom Game Hero diteruskan lagi melalui *'Kill Shot Legacy'* oleh *Techninier*, iaitu satu permainan menembak individu yang begitu intensif dengan membawa pemain ke pelbagai garisan masa berbeza termasuk, *Old West*, Zon Makhluk Asing, Pangkalan Tentera dan Masa Hadapan. *'Kill Shot Legacy'* mudah untuk disertai oleh sesiapa sahaja, sama ada pemain amatur mahupun pakar. Para pemain hanya perlu mendapatkan markah tertinggi dengan menembak watak jahat dan akan dicatatkan di papan markah untuk berentap dan memenangi hadiah wang tunai.



Melalui lapan peringkat penguasaan cabaran, wira permainan dapat menjangkakan kemantapan kandungan terkini dan mereka perlu bermain dalam masa empat bulan berterusan untuk menjadi pendahulu dalam papan markah! Kumpulan pemenang yang seterusnya bakal berentap di peringkat akhir untuk hadiah utama.

Zalman Aefendy Zainal Abidin, Ketua Pegawai Pemasaran Celcom Axiata Berhad berkata Celcom amat teruja dalam meneruskan siri Pertandingan Mudah Alih *Celcom Game Hero* dengan permainan menembak yang pantas – ‘*Kill Shot Legacy*, di mana sesiapa sahaja boleh menjadi wira!

“Celcom terus memacu pengalaman pelanggan yang hebat bagi para pemain mudah alih. Dengan permainan mudah alih yang menyeronokkan dan menarik ini, kami mengajak para pemain untuk menyerlahkan kemahiran menembak mereka yang tersembunyi, serta berpeluang untuk memenangi hadiah tunai daripada jumlah keseluruhan sebanyak RM300, 000,” kata beliau.

Dato' Lion Peh, Ketua Pegawai Eksekutif Techninier berkata '*Kill Shot Legacy*' pasti akan membawa pengalaman pemain dalam permainan mudah alih ke peringkat yang lebih tinggi.



Untuk maklumat lanjut berkenaan siri ketiga Pertandingan Celcom Game Hero- '*Kill Shot Legacy*', sila layari www.gamehero.my.

-Tamat-